



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Dr. Muhamad Suhaimi T.
Pengarah,
Pusat Islam UMS.

EDITOR

♦ Ustzh Noor Fazelah S.

SIDANG PENGARANG

- ♦ Ustzh Noorisah T.
- ♦ Ustzh Noor Fazelah S.
- ♦ Ustaz Malik Hanafi AR.

TAJUK - M/S

INFO RAMADHAN- M/S 1

UCAPAN KHAS
PENGARAH PIUMS - M/S 2

SOAL JAWAB AGAMA
- M/S 3

TAKWIM SOLAT &
BERBUKA PUASA PIUMS
- M/S 4

RISALAH RAMADHAN PUSAT ISLAM UMS BIL.1/2016

17HB JUN 2016M BERSAMAAN 12 RAMADHAN 1437H

KADAR ZAKAT FITRAH
TAHUN 1437 / 2016
NEGERI SABAH

RM7.00

Majlis Ugama Islam Sabah (Muis) menetapkan kadar zakat fitrah yang wajib dibayar setiap individu Muslim yang bermastautin di Sabah pada tahun ini ialah RM7. Pengerusi Muis Datuk Mohd Suhaili Said berkata kadar berkenaan ditetapkan berdasarkan satu gantang Baghdad atau bersamaan 2.7kg beras yang dimakan oleh majoriti penduduk di Sabah. “(Kutipan) Zakat fitrah pada tahun ini kita unjurkan daripada RM8.2 juta (tahun lalu) kepada RM8.5 juta iaitu anggaran pertambahan RM300,000,” kutipan zakat terutama zakat perniagaan,” katanya.

(Petikan keratan akhbar Harian Metro)



BINGKISAN RAMADHAN

OLEH :
DR. MUHAMAD SUHAIMI TAAT
PENGARAH PUSAT ISLAM UMS

Ramadhan datang lagi bersama seribu keberkatan dan rahmat dari Allah S.W.T. Ianya merupakan satu keistimewaan buat umat Nabi Muhammad S.A.W. Umat terakhir di akhir zaman. Allah S.W.T telah menjanjikan pelbagai kebaikan yang terhimpun di dalam bulan penuh barakah ini. Padanya juga terdapat satu malam yang mulia yang dinamakan Malam Lailatul Qadar yang menyamai seribu bulan. Berbahagialah orang yang menemukan dan menghidupkan amalan pada malam tersebut. Firman Allah S.W.T dalam al-Quran yang bermaksud :

“Sesungguhnya kami telah menurunkan (al-Quran) pada malam kemuliaan. Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu? Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan.” (Surah al-Qadr: 1-3)

Sebagai ingatan dan renungan kita bersama, marilah kita mengambil kesempatan yang diberikan oleh Allah S.W.T untuk mengabdikan diri dengan amal ibadah yang berpanjangan. Demi bulan Ramadhan yang di muliakan, Allah S.W.T telah menjanjikan suatu kepastian bahawa apa jua bentuk ibadah dan kebaikan yang dilakukan pasti pahala berlipat kali digandakan. Bacalah al-Quran, bersedekahlah dan lakukan apa sahaja amal ibadah yang terdaya.

Berapa ramai yang kita lihat dan kita dengar telah kembali ke rahmatullah sebelum tiba bulan Ramadhan pada tahun ini. Justeru, Allah S.W.T masih lagi memberikan sedikit waktu untuk kita manfaatkan dan dengan izin-Nya kita bertemu lagi Ramadhan pada kali ini. Siapa tahu mungkin inilah Ramadhan terakhir kita dihujung senja usia. Mati itu satu janji Allah S.W.T yang telah pasti. Maka, marilah kita bersama-sama mempersiapkan diri dengan bekal dan persediaan menuju tempat abadi. Bukankah mengingati mati itu sebaik-baik peringatan?

Namun, ramai juga beranggapan bahawa bulan yang mulia ini sebagai bulan menambah rezeki, bulan membeli belah serta bulan penyakit bermusim. Beringatlah agar membeli apa yang

sepatunya kita mampu makan dan bukannya menurut nafsu. Puasa adalah satu tarbiah merasai pengalaman saudara sesama Islam kita di seluruh dunia yang serba kekurangan dan keburlaran. Makan bukan untuk bermewah tetapi apa yang lebih, boleh dihulur agar kita berkongsi nikmat Allah S.W.T dengan penuh rasa syukur.

Ramadhan adalah bulan pesta ibadah. Mohonlah keampunan dan taubat daripada Allah S.W.T. Hidupkan malam-malam sepuluh yang akhir dengan amalan qiamullail dan beriktikaflah memakmurkan Masjid. Solat sunat tarawih menghimpunkan jemaah. Jangan pula berbalah berapa banyaknya bilangan. Biar sedikit asalkan sempurna solat, jika banyak bukan hanya mengejar cepatnya habis rakaat. Jangan pula berjemaah di gedung membeli belah. Buatlah persiapan berpada-pada sebelum raya. Agar yang dikejar bukan meriahnya suasana hari raya tetapi Ramadhan yang perlu diisi dengan sempurna. Lahirkan rasa kehambaan dan berdoalah agar taubat kita diterima dan masuk syurga Allah S.W.T dengan rahmat dan kasih sayang-Nya. Jangalah kita sia-siakan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan sepertimana Rasulullah S.A.W bersabda yang maksudnya:

“Berapa banyak orang yang berpuasa tetapi dia tidak mendapat apa-apa dari puasanya kecuali hanya lapar dan dahaga”. (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Akhir kata, andai Ramadhan ini adalah yang terakhir, mudah-mudahan Ramadhan yang terbaik buat kita. Biarpun umur masih muda, kalau dijemput mengadap Allah S.W.T akan pergi dengan rasa redha dan cukup bekal di dada. Kalaupun umur sudah lanjut usia, kita sudah bersedia, tawakal dan pasrah apa adanya. Berikanlah kesempatan pada diri untuk menjadi hamba yang bersyukur dan bukan hamba yang takbur. Raikan nikmat Ramadhan dengan sebaik-baiknya. Biar sedikit dan pendeknya umur, asalkan beroleh rahmat dan keberkatan Allah S.W.T bukan panjang usia tapi hanya menambah dosa. Syurga dan redha Allah S.W.T akhirnya hala tuju kita. Amiin...

رمضان كريم

SOAL JAWAB AGAMA

(FIDYAH PUASA)

"Dan di atas orang-orang yang tidak sanggup (tidak terdaya kerana uzur-uzur syar'ie) mengerjakan puasa, maka wajiblah ke atas mereka membayar fidyah iaitu memberi makan kepada orang miskin, dan barangsiapa yang dengan kerelaan hatinya mengerjakan kebajikan (iaitu memberi makan lebih dari seorang miskin untuk satu hari), maka itulah yang lebih baik baginya. "

{Surah al-Baqarah : 184}

Pengertian

Fidyah adalah tebusan yang wajib dikenakan untuk menebus atau membayar perkara-perkara yang makruh dan haram ke atasnya.

Hukum Syarak

Terdapat beberapa pecahan mengenai hukum orang-orang yang meninggalkan puasa dan yang berkaitan dengan fidyah seperti berikut:

Siapakah yang Wajib Qada?

- Orang yang sedang sakit dan sakitnya akan memberi mudarat kepadanya atau bertambah lambat sembuhya.
- Orang yang meninggalkan puasa sewaktu belayar atau musafir kira-kira 2 marhalah, yakni dalam lingkungan 90KM.
- Ibu yang hamil atau menyusukan anak dan khuatir dirinya menjadi mudarat.
- Orang yang sedang haid atau nifas.
- Orang yang terlalu lapar atau dahaga yang boleh membahayakan dirinya.
- Orang yang batal puasanya kerana salah satu sebab yang membatalkannya.

Siapakah yang wajib qada dan membayar fidyah?

- Ibu yang hamil atau menyusukan anak, sekiranya hanya khuatir anaknya menjadi mudarat.
- Orang yang berhutang puasa yang belum dijelaskan sehingga timbulnya Ramadhan tahun berikutnya.

Siapakah yang tidak wajib qada tetapi wajib membayar fidyah?

- Orang sakit yang tidak berdaya untuk berpuasa dan harapan sembuh sangat tipis.
- Orang yang lemah kerana sudah tua dan tidak mampu lagi untuk berpuasa.

Siapakah yang wajib Qada atau membayar fidyah?

- Waris bagi orang yang meninggal dengan ketiadaan uzur sebelum mengqada puasanya.

Siapakah yang tidak wajib Qada dan membayar fidyah?

- Waris bagi orang sakit atau musafir dan meninggal dunia sebelum mengqada puasanya.
- Kanak-kanak.
- Gila.



**JADUAL WAKTU SOLAT, IMSAK & BERBUKA PUASA
TAHUN 1437H / 2016M BAGI ZON VII (NEGERI SABAH)
RAMADHAN AL-MUBARAK 1436H / JUN-JULAI 2016M**

ZON VII : RANAU, KOTA BELUD, TUARAN, TAMPARULI, PENAMPANG, KOTA KINABALU, PUTATAN DAN PAPAR

Hijriah	Hari	Miladiah	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DHUHA	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	Isnin	6 Jun	4:28	4:38	6:01	6:29	12:17	3:42	6:29	7:45
2	Selasa	7	4:28	4:38	6:01	6:29	12:17	3:42	6:29	7:45
3	Rabu	8	4:28	4:38	6:02	6:30	12:17	3:43	6:29	7:45
4	Khamis	9	4:28	4:38	6:02	6:30	12:17	3:43	6:29	7:45
5	Jumaat	10	4:28	4:38	6:02	6:30	12:17	3:43	6:30	7:46
6	Sabtu	11	4:28	4:38	6:02	6:30	12:18	3:43	6:30	7:46
7	Ahad	12	4:28	4:38	6:02	6:30	12:18	3:44	6:30	7:46
8	Isnin	13	4:28	4:38	6:02	6:30	12:18	3:44	6:30	7:47
9	Selasa	14	4:28	4:38	6:03	6:31	12:18	3:44	6:31	7:47
10	Rabu	15	4:29	4:39	6:03	6:31	12:18	3:44	6:31	7:47
11	Khamis	16	4:29	4:39	6:03	6:31	12:19	3:45	6:31	7:47
12	Jumaat	17	4:29	4:39	6:03	6:31	12:19	3:45	6:31	7:48
13	Sabtu	18	4:29	4:39	6:03	6:31	12:19	3:45	6:32	7:48
14	Ahad	19	4:29	4:39	6:04	6:32	12:19	3:45	6:32	7:48
15	Isnin	20	4:30	4:40	6:04	6:32	12:19	3:46	6:32	7:48
16	Selasa	21	4:30	4:40	6:04	6:32	12:20	3:46	6:32	7:48
17	Rabu	22	4:30	4:40	6:04	6:32	12:20	3:46	6:32	7:49
18	Khamis	23	4:30	4:40	6:04	6:32	12:20	3:46	6:33	7:49
19	Jumaat	24	4:30	4:40	6:05	6:33	12:20	3:46	6:33	7:49
20	Sabtu	25	4:31	4:41	6:05	6:33	12:21	3:47	6:33	7:49
21	Ahad	26	4:31	4:41	6:05	6:33	12:21	3:47	6:33	7:49
22	Isnin	27	4:31	4:41	6:05	6:33	12:21	3:47	6:33	7:50
23	Selasa	28	4:31	4:41	6:06	6:34	12:21	3:47	6:34	7:50
24	Rabu	29	4:32	4:42	6:06	6:34	12:21	3:47	6:34	7:50
25	Khamis	30	4:32	4:42	6:06	6:34	12:22	3:47	6:34	7:50
26	Jumaat	1 Julai	4:32	4:42	6:06	6:34	12:22	3:48	6:34	7:50
27	Sabtu	2	4:33	4:43	6:07	6:35	12:22	3:48	6:34	7:50
28	Ahad	3	4:33	4:43	6:07	6:35	12:22	3:48	6:34	7:50
29	Isnin	4	4:33	4:43	6:07	6:35	12:22	3:48	6:35	7:50
30	Selasa	5	4:33	4:43	6:07	6:35	12:22	3:48	6:35	7:50



Daripada Abu Hurairah r.a bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: " Apabila tiba (bulan) Ramadhan, maka dibukalah pintu-pintu Syurga, ditutuplah pintu-pintu Neraka, dan dibelengguhlah (dirantai) syaitan-syaitan". (HR Muslim)

Diterbitkan oleh :-

Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah
Jalan Masjid Off Universiti Malaysia Sabah
Jln UMS, 88400 Kota Kinabalu

Tel : 088-320 000 ext 2734
Faks : 088- 320 736
Web : www.ums.edu.my/piums



"KAMI MENGALU-ALUKAN SUMBANGAN JAMUAN BERBUKA PUASA"

PENGUMUMAN

Pihak PIUMS mengalu-alukan sumbangan artikel ilmiah daripada Tuan/Puan bagi memantapkan lagi terbitan berkala Risalah PIUMS ini. Sebarang cadangan/komentar berkaitan risalah ini boleh berhubung dengan kami ditalian: No.Tel: 088-320 000, sambg: 2740 atau emelkan ke penerbitanpusatislam@ums.edu.my